

24 MAR 2004

Mahathir-Yayasan

PELAJAR YANG MENERIMA BANTUAN WAJAR SUMBANG BALIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Bekas Pengerusi Yayasan Tunku Abdul

Rahman Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pelajar yang pernah menerima bantuan, menyumbang kembali kepada yayasan itu.

"Saya berharap pelajar-pelajar yang sudah berjaya akan memberi bantuan kepada yayasan supaya pelajar lain akan mendapat manfaatkan bantuan itu,"

katanya pada majlis Malam Yayasan Tunku Abdul Rahman 2004, di sini.

"Ini merupakan satu cara bagi mereka membalas budi terhadap bantuan yang telah diberikan kepada mereka dahulu," katanya.

Beliau berkata pelajar yang pernah menerima biasiswa juga bertanggungjawab membayarnya balik bagi membolehkan pelajar lain mendapat

biasiswa melanjutkan pendidikan ke institusi pendidikan tinggi.

Dr Mahathir juga meminta lebih banyak badan korporat dan syarikat swasta menyokong usaha yayasan itu dalam membantu lebih ramai pelajar selain membolehkan yayasan itu mempelbagaikan aktivitinya.

"Saya berharap lebih banyak lagi badan korporat dan syarikat swasta akan memberi sumbangan tetap kepada yayasan seperti Permodalan Nasional Berhad serta Kelab Lumba Kuda Selangor," kata Dr Mahathir yang menjadi pengerusi yayasan itu dari 1974 hingga 1977.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir menerima sumbangan sebanyak RM 61,000 daripada beberapa badan korporat serta syarikat swasta untuk yayasan berkenaan.

Dr Mahathir juga menyampaikan Anugerah Pingkat Tunku 1999 serta wang RM1,000 dalam bentuk Sijil Amanah Saham kepada 11 pelajar terbaik dari 11 universiti.

Antara penerima anugerah itu ialah Norfazilah Arsat, pelajar Universiti Teknologi MARA yang mendapat ijazah kepujian kelas pertama dalam bidang sains aktuari.

Seorang lagi penerima anugerah Tain Chin Leong, yang mendapat ijazah kepujian kelas pertama dalam bidang pendidikan teknologi maklumat

daripada
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

-- BERNAMA

UHS JM LAT